

Banyak bangunan terbangkalai dijadikan rumah sarang burung

Oleh Haron Shafei

BANYAK bangunan lama yang terbangkalai terutama yang terdapat di bandar dan pekan di Perak telah bertukar menjadi rumah-rumah sarang burung berikutan berkembangnya industri sarang burung di negeri ini sekarang.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Dato' Chang Ko Youn berkata, sehingga ini terdapat 412 pengusaha sarang burung di Perak yang sebilangan besarnya beroperasi di Teluk Intan, Sitiawan, Taiping, Bagan Serai dan Parit Buntar.

“Dari segi ekonomi, industri sarang burung Layang-layang ini memang menguntungkan kerana ia dapat membantu membangunkan sektor

harta di negeri ini,” katanya kepada *Berita Perak*.

Selain itu, industri sarang burung Layang-layang ini juga membawa banyak keuntungan kepada negara kerana hasilnya dieksport keluar negara seperti Singapura, Australia, China dan Hong Kong.

Namun begitu, katanya, terdapat beberapa masalah yang timbul berikutan berkembangnya industri sarang burung ini. Antaranya ia mengganggu kesejahteraan dan ketenteraman awam seperti jiran-jiran yang tinggal berdekatan dengan bangunan-bangunan yang dijadikan rumah-rumah burung.

Beliau difahamkan banyak aduan yang diterima adalah kerana jiran-jiran berdekatan

tidak tahan dengan bunyi muzik yang terlalu kuat yang dipasah dalam rumah-rumah burung ini bagi menarik banyak burung membuat sarang,

“Selain itu, timbul pula kebimbangan tentang masalah kesihatan di kalangan jiran-jiran berhubung kewujudan rumah-rumah burung ini meskipun setakat ini tiada bukti yang menunjukkan perusahaan itu boleh membawa penyakit,” katanya.

Bagi mengatasi masalah yang berbangkit ini, beliau telah mengadakan perjumpaan dengan pengusaha-pengusaha sarang burung baru-baru ini dan mengeluarkan satu garis panduan bagi memastikan pengusaha terbabit mematuhi arahan dan peraturan yang telah ditetapkan.



Sarang burung Layang-layang dan telurnya yang didapati disebut bangunan terbangkalai di negeri ini.

“Garis panduan ini masih belum dilaksanakan kerana perlu terlebih dahulu mendapat pandangan daripada pengusaha-pengusaha terbabit sama ada mereka bersetuju dengan garis panduan yang dikeluarkan itu.

“Kerajaan pula amat prihatin tentang nasib masa depan pengusaha sarang burung ini dan akan memastikan garis panduan yang dikeluarkan ini tidak menjejaskan mata pencarian mereka,” katanya.

Sumber: <http://berita.perak.gov.my/dis04/muka12.htm>